

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PESTA HARI TERBUKA KOLEJ PERTAMA UNIVERSITI MALAYA, KL  
Lokasi : UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 09-10-1982

Yang Amat Berusaha Professor Di Raja Ungku Aziz, Naib-Canselor Universiti Malaya;

Yang Berusaha Professor Madya Yunus Mohd. Noor, Timbalan Naib-Canselor, Universiti Malaya;

Yang Berbahagia Encik Abdul Ghani Othman, Pengetua Kolej Pertama;

Dif-Dif Kehormat;

Mahasiswa-Mahasiswi serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua Kolej Pertama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pesta Hari Terbuka kerana menjemput saya ke majlis yang indah ini.

2. Kehidupan di universiti merupakan satu pengalaman istimewa bagi mahasiswa dan mahasiswi sekalian, lebih-lebih lagi bagi mereka yang sudah meninggalkan universiti dan melangkah ke dunia luas yang nyata. Bagi mahasiswa-mahasiswi yang memasuki universiti terus dari sekolah, ketika umur menjangkau kedewasaan, peringkat kehidupan di kampus merupakan satu tempoh perubahan dan pergolakan serta penyesuaian dengan alam dewasa. Ini bukan sahaja menjadi cabaran kepada mahasiswa dan mahasiswi sekalian malahan kepada ibu-bapa dan tenaga pengajar.

Bagi mahasiswa-mahasiswi yang datang dari luar bandar ataupun yang tidak pernah tinggal di asrama pula, kehidupan di universiti dan di asrama juga menjadi satu pengalaman baru yang amat mencabar.

3. Masyarakat di luar kampus tidak mungkin memahami sepenuhnya kehidupan di universiti, sebagaimana juga mahasiswa dan mahasiswi yang mungkin sebahagian besarnya belum mengetahui pahit manis hidup di dunia nyata. Hari terbuka seperti yang diadakan ini pasti dapat memberi peluang kepada ibu-bapa, saudara-mara dan masyarakat am untuk mendapat seimbang pandangan mengenai beberapa aspek kehidupan di kampus. Dengan cara tidak langsung ini dapat mendekatkan kedua-dua bahagian masyarakat yang hidup di dalam suasana yang berbeza.

4. Salah satu tradisi di institusi-institusi pengajian tinggi ialah tradisi 'orientasi.' Orientasi ialah acara yang disusun bagi membolehkan mahasiswa-mahasiswi baru menyesuaikan diri dengan suasana di kampus. Ia mempunyai tujuan yang sihat dan membina di mana mahasiswa-mahasiswi lama membimbing mahasiswa-mahasiswi baru. Di dalam suasana negara kita yang berbilang keturunan, orientasi seperti ini boleh menjalin perasaan hormat-menghormati serta persefahaman yang sangat-sangat diperlukan sebagai asas perpaduan negara. Oleh itu saya yakin, orientasi yang sihat bukan sahaja befaedah kepada mahasiswa-mahasiswi tetapi juga dalam konteks pembentukan peribadi masyarakat dan pembangunan negara.

5. Universiti bukan sahaja merupakan tempat untuk menimba ilmu pengetahuan tetapi juga untuk membina peribadi dan perwatakan. Bagi masyarakat timur yang mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai hidup yang berbeza dari masyarakat-masyarakat asing, universiti kita mempunyai peranannya yang agak tersendiri dan berlainan dari institusi-institusi di negara-negara lain.

6. Dalam konteks negara kita, universiti adalah satu alat 'nation-building' yang amat penting. Selain daripada nilai mata-mata pelajaran di universiti dari sudut ilmu pengetahuan, satu nilai yang tidak kurang pentingnya ialah tanggapan terhadap ilmu pengetahuan dan pembelajaran.

Tenaga pengajar dan mahasiswa-mahsiswi sekalian tidak harus menganggap universiti sebagai tangga untuk mendapat pekerjaan semata-mata. Pelajaran di universiti adalah permulaan di dalam usaha menimba ilmu pengetahuan yang hakiki yang dapat menjadikan seseorang itu seorang individu yang bertanggungjawab dan berjaya, bukan sahaja dari segi diri dan keluarganya, malahan terhadap masyarakat dan bangsanya.

7. Zaman penjajahan dulu kita dapati pegawai-pegawai asing bertugas jauh di pedalaman. Pada masa itu bukan sahaja kemudahan-kemudahan tidak ada atau sukar didapati, malahan segala-galanya susah. Tetapi kita boleh mendapat pengajaran daripada pegawai-pegawai penjajah ini bagaimana dengan sikap 'pioneering and adventurous' mereka, mereka bukan sahaja dapat menjalankan tugas mereka dengan baik malahan mereka dapat membuat berbagai-bagai sumbangan di dalam bidang penulisan, persejarahan, kebudayaan dan lain-lain lagi.

8. Sayangnya di zaman kita telah merdeka, ada di antara anak watan sendiri yang tidak sanggup ke desa-desa sedangkan keadaannya jauh lebih baik dari ketika pegawai penjajah ditugaskan di tempat-tempat ini dahulu. Sikap hendak apa yang senang sahaja adalah tidak selari dengan semangat mempertahankan maruah negara dan boleh menjejaskan usaha-usaha untuk membawa kebahagiaan kepada masyarakat, khususnya masyarakat desa.

9. Saya sentuh perkara ini bukan kerana ingin menyingkap kelemahan-kelemahan mana-mana pihak tetapi kerana saya merasakan masa hadapan masyarakat dan negara kita banyak bergantung kepada mutu lepasan universiti, sama ada di peringkat ijazah ataupun lanjutan dan orientasi yang didapati di universiti-universiti. Lulusan-lulusan universitilah akhirnya yang menjadi acuan membentuk masyarakat akan datang dan dalam menjamin matlamat-matlamat negara tercapai.

10. Saya harap Pesta ini akan memberi peluang kepada masyarakat kampus untuk mengeratkan lagi persaudaraan di kalangan mahasiswa-mahasiswa dan tenaga pengajar serta dengan masyarakat luar.

11. Sempena dengan Pesta ini saya ucapkan selamat maju jaya dan selamat berbakti kepada mahasiswa-mahasiswa sekalian dan dengan harapan ini saya membuka Pesta Hari Terbuka Kolej Pertama ini dengan rasminya.